

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN HAJAH FUZIAH
BINTI SALLEH (KUANTAN)**

TARIKH : 18.05.2015 (RABU)

NO. SOALAN : 127

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di dalam meningkatkan taraf pendidikan Orang Asli supaya dapat menambah bilangan pegawai Orang Asli dalam JAKOA.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, JAKOA merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam membangunkan taraf hidup dan sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Pendidikan penting dalam meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi sesebuah masyarakat. Oleh itu, JAKOA mengambil inisiatif memberi bantuan pendidikan kepada masyarakat Orang Asli dari awal persekolahan sehingga pendidikan tinggi. Bantuan yang diberikan adalah untuk menggalakkan anak-anak Orang Asli berminat kepada dunia pendidikan demi masa depan yang cerah. Selain itu, bantuan yang diberikan dapat meringankan beban masyarakat Orang Asli untuk membiayai perbelanjaan pendidikan di sekolah dan Institut Pengajian Tinggi.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh JAKOA dalam meningkatkan taraf pendidikan Orang Asli dengan mewujudkan bantuan di bawah Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) Orang Asli. Antara jenis bantuan/incentif pendidikan yang telah diberikan oleh JAKOA kepada pelajar Orang Asli di peringkat sekolah rendah dan menengah ialah biaya yuran sekolah/yuran

pelbagai, bantuan pakaian seragam/uniform/jasmani, elaun catuan makan, biaya sewa pengangkutan, wang saku dan lain-lain lagi. Manakala, antara jenis bantuan/inSENTif pendidikan yang telah diberikan oleh JAKOA kepada pelajar Orang Asli di peringkat universiti ialah tiket penerbangan, sumbangan komputer riba, elaun makan dan yuran pengajian. Beserta dengan ini disertakan butiran perincian bantuan inSENTif SBGP JAKOA kepada para pelajar Orang Asli seperti di **Lampiran A.**

Tuan Yang Di Pertua, bagi memberi galakan motivasi ke arah peningkatan kecemerlangan pendidikan, JAKOA akan mengadakan program Anugerah Pelajar Cemerlang (APC) kepada para pelajar dan mahasiswa di kalangan Orang Asli yang mendapat keputusan cemerlang di dalam bidang akademik dengan memberikan beberapa anugerah sijil kecemerlangan dan duit imbuhan saguhati.

Selain itu, JAKOA turut merangka program kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), guru-guru dan ibu bapa masyarakat Orang Asli setempat bagi memastikan kejayaan pendidikan anak-anak

mereka. Antara program yang dilaksanakan ialah Program Mesra Didik, Program Kecemerlangan Pelajar, Anugerah Pelajar Cemerlang, Kem Skor A, Bengkel Teknik Menjawab Soalan, Seminar Keibubapaan dan Program Memperkasakan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

JAKOA juga turut memberikan bantuan kepada para pelajar Orang Asli yang cemerlang bagi melanjutkan pengajian di peringkat Universiti Awam (IPTA) dan Luar Negara. JAKOA juga telah membuat jaringan usahasama dengan beberapa universiti awam yang lain antaranya seperti kerjasama dengan pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan mewujudkan saluran khas kemasukan ke UiTM melalui program Mengubah Destini Orang Asli (MDOA). Selain itu, JAKOA juga telah melaksanakan Program Ijazah Luar Negara (PILN) di mana pelajar Orang Asli yang mendapat keputusan CGPA 3.00 dan ke atas serta lulus sekurang-kurangnya band 6 di dalam peperiksaan *International English Language Testing System (IELTS)* adalah diberi bantuan kelas peralihan serta bantuan khidmat teknikal dan bantuan kewangan wang saku keperluan diri sebanyak RM2,000.00 daripada JAKOA di samping

dengan yuran pengajian sepenuhnya di luar negara adalah di bawah tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Tuan Yang Di Pertua, JAKOA telah membuat kerjasama dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi memastikan penempatan kerjaya Orang Asli bagi mengisi perjawatan di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Sehingga tahun 2015 ini, seramai 378 Orang Asli yang telah bekerja di JAKOA sama ada Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah.

Lampiran A

Butiran Lengkap Bantuan Insentif JAKOA Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP)

Bil.	Jenis Bantuan	Kadar	Kelayakan	Tempoh Penerimaan
1.	Pakaian seragam	RM100.00 – RM180.00 / seorang	Pelajar Darjah 1 dan tingkatan 1 yang tidak menerima KWAPM	1 kali setahun
2.	Pakaian jasmani / beruniform	RM30.00 seorang (max)		Setiap tahun
3.	Pakaian seragam / Kokurikulum	RM150.00 seorang (max)	Pelajar yang terlibat dengan kokurikulum	Setiap tahun
4.	Yuran pelbagai sekolah menengah	Yuran pelbagai yang dituntut oleh pihak sekolah mengikut kadar yang diluluskan oleh KPM	Pelajar yang tidak menerima KWAPM	Setiap semester / penggal persekolahan
5.	Keperluan diri di asrama	RM250.00 seorang	Pelajar yang tinggal di asrama	Setiap semester / penggal persekolahan

6.	Biasiswa IPTA	<ul style="list-style-type: none"> • Matrikulasi : RM3,000.00 setahun • Sijil : RM3,500.00 setahun • Diploma : RM8,160.00 setahun • Ijazah : RM11,200.00 setahun 		Setiap semester sehingga tamat pelajaran
7.	Elaun makan	RM150 seorang (max)		Setiap bulan
8.	Sumbangan komputer riba	1 unit	Pelajar yang mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke IPTA dan PILN	Sekali sahaja
9.	Tiket penerbangan	Tiket penerbangan bagi pelajar yang menuntut di UMS dan UNIMAS	Pelajar yang menuntut di Sabah dan Sarawak	Tiket pergi daftar dan balik selepas tamat pengajian
10.	Wang saku	RM2.00 sehari	Pelajar sekolah menengah sahaja	Setiap bulan mengikut hari persekolahan
11.	Catuan makan	RM2.50 (max)	Pedalaman bagi sarapan dan makan tengahari	Hari persekolahan

12.	Pengangkutan	RM150 seorang (max) i.Sekolah rendah ii.Sekolah menengah	Dari asrama ke rumah, dari rumah ke asrama dan cuti perayaan	Setiap bulan
13.	Anugerah Pelajar Cemerlang	UPSR : RM30setiap mata pelajaran PMR : RM40 setiap mata pelajaran SPM : RM50 setiap mata pelajaran STPM : RM500 (CGPA 3.5 ke atas) RM300 (CGPA 3.0 ke atas) RM200 (CGPA 2.8 ke atas)	Pelajar Orang Asli yang cemerlang	Sekali bayaran sahaja